

١٨- حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنِ الزُّهْرِيِّ قَالَ أَخْبَرَنِي أَبُو إِدْرِيسَ عَائِدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَبَّادَةَ بْنَ الصَّامِتِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَكَانَ شَهِيدَ بَدْرًا وَهُوَ أَحَدُ الثُّقَبَاءِ لَيْلَةَ الْعَقَبَةِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ وَحَوْلَهُ عِصَابَةٌ مِنْ أَصْحَابِهِ بَايَعُونِي عَلَى أَنْ لَا تُشْرِكُوا بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا تَسْرِقُوا وَلَا تَزْنُوا وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ وَلَا تَأْتُوا بِبُهْتَانٍ تَفْتُرُونَهُ بَيْنَ أَيْدِيكُمْ وَأَرْجُلِكُمْ وَلَا تَعْصُوا فِي مَعْرُوفٍ فَمَنْ وَفَى مِنْكُمْ فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ وَمَنْ أَصَابَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا فَعُوقِبَ فِي الدُّنْيَا فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ وَمَنْ أَصَابَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا ثُمَّ سَتَرَهُ اللَّهُ فَهُوَ إِلَى اللَّهِ إِنْ شَاءَ عَفَا عَنْهُ وَإِنْ شَاءَ عَاقَبَهُ فَبَايَعَنَاهُ عَلَى ذَلِكَ

(ii) Bab¹⁴⁵

Golongan Anshaar adalah kaum yang amat setia dan patuh kepada pimpinan di sepanjang sejarah Islam. Selepas Rasulullah, mereka terus setia dan patuh kepada pemerintah dan pemimpin dari kalangan Muhajirin. Mereka tidak pernah berhasrat untuk merebut jawatan kepimpinan daripada kaum Muhajirin. Kalau adapun hanyalah cadangan daripada mereka. Itu pun hanya berlaku di peringkat awal sahaja, iaitu pada malam selepas kewafatan Baginda s.a.w. Cadangan mereka ialah: *مِمَّا أَمِيرٌ وَمِنْكُمْ أَمِيرٌ* Bermaksud: Biarlah ada seorang pemimpin dari kalangan kami (Anshaar) dan seorang dari kalangan kamu (Muhajirin).” (Atsar riwayat Ahmad, Nasaa’i, Ibnu Abi Syaibah, Abu Ya’la, Sa’id bin Manshur dan lain-lain).

Namun setelah Saiyyidina Abu Bakar r.a. memperingatkan mereka tentang siapakah yang sepatutnya memegang jawatan Khalifah, melalui pesanan Nabi s.a.w. bahawa tampuk pemerintahan haruslah diserahkan kepada orang-orang Quraisy, maka mereka telah akur dan menerimanya dengan baik. Dan ini juga menunjukkan bahawa walaupun peranan mereka tidak menonjol dari luar, peranan mereka tetap penting di sebelah dalam. Hal ini telah pun diisytiharkan oleh Nabi s.a.w. di dalam sabdanya begini: *الْأَنْصَارُ شِعَارٌ وَالنَّاسُ بَثَارٌ* Bermaksud: “Golongan Anshaar (ibarat) pakaian dalam sedangkan orang-orang lain (ibarat) pakaian luar.” (Ibnu Abi Syaibah, Ahmad, Bukhari, Muslim, Abu Ya’la, Ibnu Majah dan lain-lain).

Ini bererti, jika golongan Anshaar tidak memainkan peranan mereka dengan memberikan sokongan dan bantuan dari dalam, maka perkembangan Islam tidak akan berjaya menempuh liku-liku perjalanannya dengan selesa dan lancar sebaik yang telah dirakam oleh sejarah. Oleh sebab itulah Nabi s.a.w. menyebut bahawa salah satu tanda keimanan ialah kasihkan Anshaar, kerana mereka adalah golongan yang sangat ikhlas dalam membantu perkembangan Islam tanpa mempunyai sebarang kepentingan kebendaan dalam perjuangan agama itu. Sebaliknya dalam membantu perkembangan dan pelaksanaan daulah Islam, golongan Anshaar telah mengorbankan segala yang mereka miliki, termasuk kepentingan dan nyawa-nyawa mereka sendiri.

¹⁴⁵ Bab yang ke sebelas ini dikenali sebagai bab tanpa tajuk. Jumlah bab-bab yang seumpama ini banyak di dalam kitab *Sahih Bukhari*. Sebelum ini kumpulan hadits-hadits yang

kemukakan, didahului dengan tajuk-tajuk yang mengandungi maksud-maksud tertentu, di samping ia mengisytiharkan kepada pendapat pengarangnya dan menunjukkan keunikan serta keistimewaan tersendiri kitabnya berbanding kitab-kitab hadits yang lain. Namun kali ini, hadits yang dikemukakan tidak diberi sebarang tajuk. Berkenaan dengan bab tanpa tajuk seperti ini, para pensyarah hadits telah mengupasnya dengan membuat pelbagai andaian dan kesimpulan yang berbeza. Antara lainnya ialah seperti berikut: (1) Imam Bukhari terlupa membuat tajuk bab di sini. (2) Bukan Imam Bukhari terlupa membuat tajuk bab di sini. Sebenarnya beliau telah membuat bab dan tajuknya, tetapi kerana kecuaiannya penyalin-penyalin, tercicirlah tajuknya. (3) Imam Bukhari sebenarnya tidak meletakkan sebarang babpun di situ. Pemisahan dengan bab yang baru ini hanya dilakukan oleh perawi-perawi kemudian. (4) Imam Bukhari sengaja meninggalkan sesetengah bab tanpa diberikan tajuk terlebih dahulu, kerana beliau bermaksud untuk meletakkannya kemudian setelah mendapat nama tajuk yang sesuai. Tetapi beliau tidak sempat berbuat demikian kerana ajalnya lebih awal datang menjemput. (5) Imam Bukhari tidak membuat tajuk-tajuk bab untuk hadits-haditsnya serentak dengan penyusunan hadits-hadits tersebut. Sebaliknya beliau hanya meletakkan tajuk-tajuk bab selepas kesemua haditsnya selesai di susun. Besar sekali kemungkinan, semasa proses meletakkan tajuk bab, beliau telah terlupa atau tidak sempat melakukannya kerana dijemput Allah untuk pergi kepadanya lebih awal. (6) Kedudukan setiap bab yang tidak diletakkan sebarang tajuk oleh Imam Bukhari adalah sama seperti *fasal* atau *ceraian* bab di dalam kitab-kitab yang lain. Dalam erti kata yang lain, bab tanpa tajuk tersebut adalah seumpama fasal bagi bab yang bertajuk sebelumnya. Jadi maksud-maksud hadits di bawah bab ini juga mempunyai sedikit sebanyak kaitan dengan bab yang sebelumnya. Inilah pendapat kebanyakan pensyarah kitab *Sahih Bukhari* termasuklah al-Kirmaani, Hafiz Ibnu Hajar, Hafiz al-'Aini, Syeikhul Islam Zakaria al-Anshaari, al-Qasthallaani, Syeikh Nurul Haqq, Syah Waliyyullah dan lain-lain lagi. Malah Hafiz Ibnu Hajar telah menyatakan maksud ini pada lebih daripada empat puluh tempat di dalam kitab beliau *Fathul Baari*. (7) Menurut Syeikhul Hind Maulana Mamudul Hasan, tidak kesemua tempat bab tanpa tajuk di dalam kitab *Sahih Bukhari* sesuai disamakan dengan fasal. Mengatakan Imam Bukhari tidak sempat meletakkan sebarang tajuk pada sekian banyak bab juga tidak munasabah. Kerana menurut beliau, jika benar Imam Bukhari tidak sempat melakukannya, bab-bab tersebut pastilah akan banyak terkumpul di bahagian-bahagian terakhir kitab beliau, sedangkan bab-bab seumpama itu sudah terdapat di bahagian awal lagi di dalam kitab *Sahih Bukhari*. Dan pendapat yang mengatakan beliau terlupa juga langsung tidak boleh diterima, kerana beliau sempat mengajar kitab tersebut selama bertahun-tahun lamanya kepada seramai sembilan puluh ribu orang muridnya. Menurut beliau, pendapat yang lebih sesuai ialah sebenarnya Imam Bukhari sengaja berbuat demikian. Tujuan beliau berbuat begitu ialah untuk mengasah minda para pembaca kitabnya supaya mereka menyimpulkan sendiri tajuk-tajuk yang sesuai dan difikirkan munasabah berpandukan isi kandungan hadits dan contoh-contoh tajuk bab yang telah diberikannya di tempat-tempat yang lain di sepanjang kitabnya. Ini kerana antara tujuan Imam Bukhari mengarang kitab *Sahihnya* bukanlah sekadar ingin mengumpulkan koleksi hadits-hadits sahih sahaja, sebaliknya beliau ingin mengajar mereka cara memahami pengajaran hadits. Maksud beliau ini boleh disaksikan melalui kesesuaian tajuk-tajuk bab yang dibuatnya dengan ma'na-ma'na yang tersirat di dalam hadits-hadits yang dikemukakan di bawahnya. Meninggalkan sesetengah bab tanpa mengadakan apa-apa tajuk sesungguhnya bertujuan mengajak para pembaca mengeluarkan sendiri maksud-maksud hadits berdasarkan pemahaman mereka tentangnya. Oleh sebab itulah anda akan sering mendapati banyak hadits yang berulang di dalam *Sahih Bukhari*. Imam Bukhari

18- Abul Yamaan (al-Hakam bin Naafi' m.222H) meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'aib (bin Abi Hamzah al-Qurasyi m.162H) meriwayatkan kepada kami daripada az-Zuhri, katanya: Abu Idris 'Aaizullah bin 'Abdillah (m.80) meriwayatkan kepadaku bahawa 'Ubadah bin as-Shamit r.a.¹⁴⁶ - Selain telah ikut serta dalam peperangan Badar beliau juga merupakan salah seorang naqib di malam 'Aqabah -¹⁴⁷

tidak hanya bermaksud mengumpulkan hadits-hadits sahih yang tinggi tahap kesahihannya semata-mata, malah antara tujuan beliau ialah mengeluarkan sebanyak mungkin maksud dan kesimpulan daripada hadits dengan memerhatikannya dari pelbagai perspektif. (8) Tujuan Imam Bukhari mengadakan bab tanpa tajuk di sini ialah untuk "istidraak" atau mengimbangi maksud tajuk-tajuk bab sebelum ini yang seolah-olahnya menampakkan iman dan amal tidak boleh dipisahkan sama sekali. Secara tidak langsung ia seolah-olahnya menyokong pegangan golongan Khawarij dan sebahagian golongan Mu'tazilah yang menda'wa bahawa melakukan dosa besar boleh menyebabkan pelakunya menjadi kafir. Allah s.w.t. tidak akan mengampunkan dosanya itu dan dia akan kekal di dalam neraka buat selama-lamanya. Sementara di satu pihak yang lain pula, golongan Murji'ah mengatakan amal tidak memberi apa-apa kesan pun kepada iman. Menerusi hadits di bawah bab tanpa tajuk ini, Imam Bukhari ingin mengisyaratkan bahawa amal bukanlah penentu untuk seseorang itu dimasukkan ke dalam syurga atau neraka. Justeru di penghujung hadits ke 18 di atas Nabi s.a.w. menyatakan: "Dan sesiapa yang melanggarnya, lalu Allah menutupinya, maka urusannya (di akhirat kelak) terserah kepada Allah. Mungkin ia dimaafkan atau mungkin juga ia diseksa". Dalam erti kata yang lain, jika seseorang yang melakukan sesuatu dosa besar seperti zina misalnya. Perbuatan kejinya itu tidak diketahui orang kerana Allah s.w.t. tidak mendedahkannya, dia masih berpeluang mendapat keampunan daripada Allah s.w.t. sekiranya dia bertaubat dan menginsafi dosa yang telah dilakukannya itu. Sebaliknya bagi golongan Khawarij dan sebahagian Mu'tazilah, pelaku zina seperti itu juga sudah menjadi kafir dan wajib dengan sebabnya mereka menjadi penghuni neraka untuk selama-lamanya.

¹⁴⁶ Beliau ialah 'Ubaadah bin as-Shamit bin Qais al-Anshari al-Khazraji al-Madani. Beliau dikuniahkan dengan "Abul Walid". 'Ubaadah telah turut serta dalam dua perjanjian 'Aqabah, perang Badar dan semua peperangan yang lain. Beliau merupakan salah seorang naqib (ketua yang mewakili sekumpulan orang-orang Anshar) di malam 'Aqabah. Di zaman pemerintahan Sayyidina 'Umar, 'Ubaadah telah diutuskan ke Syam untuk berkhidmat sebagai hakim dan guru. Beliau menetap di Hims, kemudian berpindah ke Palestin dan meninggal dunia di Ramlah. Dikatakan bahawa beliau meninggal di Baitul Muqaddas pada tahun 34 hijrah ketika berusia 72 tahun. Ada juga yang menyebutkan beliau hidup hingga ke zaman pemerintahan Sayyidina Mu'aawiyah. Beliau merupakan salah seorang dari pengumpul al-Quran semasa hayat Rasulullah s.a.w. sebagaimana diriwayatkan oleh Imam Bukhari di dalam *Tarikh Saghirnya* dan Ibnu Sa'ad daripada Muhammad bin Ka'ab al-Qurazhi. 'Ubaadah bin as-Samit seorang yang tinggi, sasa, cantik dan luas pengetahuan. Sa'id bin 'Ufair berkata: "Tingginya adalah sepuluh jengkal." Beliau telah meriwayatkan sebanyak 181 hadits dengan enam daripadanya diambil oleh Bukhari dan Muslim. Dua daripadanya Bukhari sahaja dan dua daripadanya lagi Muslim sahaja. Sekumpulan sahabat dan taabi'in telah meriwayatkan hadits daripada beliau.

¹⁴⁷ Perawi hadits ini, Abu Idris 'Aaizullah bin 'Abdillah yang telah mengambil riwayat ini daripada 'Ubaadah bin as-Shamit, tidak hanya menceritakan beliau telah mengambilnya daripada 'Ubaadah dengan menyebut namanya dan nama ayahnya shj, tetapi beliau turut

meriwayatkan, (katanya): “Pernah ketika di kelilingi para Sahabat, Rasulullah s.a.w. bersabda kepada mereka: “Berbai’ahlah (berjanjilah dengan sungguh-sungguh hati) denganku bahawa kamu tidak akan menyekutukan Allah dengan sesuatu apa pun,¹⁴⁸ tidak akan mencuri, berzina, membunuh anak-anak kamu¹⁴⁹ dan tidak akan

menyertakan sedikit latar belakang perawi tempat ambilannya dengan mencelah bahawa selain telah ikut serta dalam peperangan Badar beliau juga merupakan salah seorang naqib di malam ‘Aqabah. Tujuan beliau menyebut latar belakang ‘Ubaadah sebagai ahli Badar ialah kerana para sahabat yang termasuk dalam golongan ini mempunyai kedudukan dan darjat yang istimewa dan tersendiri dalam Islam. Secara tidak langsung ia bererti cerita yang dibawakan olehnya ini bukan berpunca daripada sembarangan orang dan bukan calang-calang perawinya. Beliau ialah Ahli Badar dan salah seorang naqib di malam ‘Aqabah. Tentulah cerita yang dikemukakannya mengandungi mesej yang cukup besar ma’nanya kepada umat kemudian. Keistimewaan ahli Badar di sisi Allah s.w.t. amatlah besar sehingga Allah s.w.t. telah menawarkan kepada mereka kebebasan penuh untuk melakukan apa sahaja yang mereka inginkan, kerana dosa-dosa mereka sudah dan akan diampunkan olehNya. Tawaran itu disebut Allah di dalam satu Hadits Qudsi, firmanNya: اَعْمَلُوا مَا شِئْتُمْ فَقَدْ غَفَرْتُ لَكُمْ Bermaksud: “Lakukan apa saja yang kamu mahu, sesungguhnya aku telahpun mengampunkan kamu”.

¹⁴⁸ Perhatikanlah, setiap pesanan berupa amaran, baik oleh Nabi s.a.w. atau Allah sendiri di dalam al-Qur’an, pasti pesanan-pesanan itu didahului dengan amaran supaya menjauhi syirik terlebih dahulu. Kemudian barulah disusuli dengan pesanan-pesanan yang lain. Ini jelas menunjukkan bahawa perbuatan menyekutukan Allah s.w.t. itu adalah perkara yang amat buruk implikasinya. Masakan tidak, bukankah apa jua amalan kebajikan, biar sehebat dan sebanyak mana sekalipun, pasti akan tertolak juga dengan adanya syirik di dalam jiwa seseorang pelakunya? Malah andaikata pelaku syirik memohon ampun sekalipun terhadap perbuatan-perbuatan dosanya yang lain, permintaannya itu tidak akan diperkenankan oleh Allah s.w.t. selagi dia tidak kembali mentauhidkan Penciptanya, Tuhan Yang Maha Esa.

¹⁴⁹ Perbuatan membunuh anak yang termasuk dalam dosa-dosa besar itu dilakukan oleh masyarakat Jahiliah dengan cara menanam anak-anak mereka hidup-hidup. Perbuatan sebegini dikeji oleh Allah s.w.t. kerana ia bercanggah dengan konsep Tauhid. Ini kerana motif yang mendorong mereka melakukan perbuatan keji tersebut adalah kerana bimbangkan kos perbelanjaan harian akan meningkat dengan kehadiran anak-anak yang terpaksa ditanggung oleh mereka. Jadi dengan menganggap bahawa jumlah rezeki yang diberikan Tuhan Yang Maha Kaya dan Maha Pemberi Rezeki kepada mereka akan berkurangan kerana terpaksa berkongsi dengan anak-anak adalah termasuk dalam salah satu bentuk syirik. Mengenai perbuatan mereka itu Allah s.w.t. telah berfirman:

قَدْ خَسِرَ الَّذِينَ قَتَلُوا أَوْلَادَهُمْ سَفَهًا بِغَيْرِ عِلْمٍ وَحَرَّمُوا مَا رَزَقَهُمُ اللَّهُ افْتِرَاءً عَلَى اللَّهِ قَدْ ضَلُّوا وَمَا كَانُوا

مُهْتَدِينَ ﴿١٤٩﴾

Bermaksud: “Sesungguhnya rugilah orang-orang yang membunuh anak-anak mereka kerana kebodohan, (dan) tanpa (landasan) ilmu pengetahuan. Mereka menghalang rezeki yang Allah hendak berikan kepada mereka dengan berdusta terhadap Allah. Sesungguhnya sesatlah mereka, dan tiadalah mereka mendapat petunjuk. (al-An‘aam:140).